

PEKERJA ASING DI DALAM SEKTOR PEMBINAAN DI MALAYSIA

¹Asma Azlaily Ab Rahman, ²Norlidayu Zulkifli, ³Teh Geh Shin, Mohd Nasrun Mohd Nawi,
 Wan Nadzri Osman

School of Technology Management & Logistic, College of Business,
 Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia
 Email: ¹asmagirl71@yahoo.com, ²afashamifa@yahoo.com
³gehshin@gmail.com

ABSTRAK

Kedatangan pekerja asing di Malaysia adalah untuk membantu memenuhi keperluan dan kekurangan buruh dalam sektor pembinaan di negara Malaysia. Sekiranya kerajaan Malaysia tidak mengawal kemasukan mereka di Malaysia, ia akan menyebabkan peluang pekerjaan penduduk tempatan akan berkurangan menyebabkan dipelopori oleh golongan mereka. Walau bagaimanapun, kedatangan buruh asing juga dapat meningkatkan pendapatan negara dan mengurangkan kadar upah dalam pasaran buruh tempatan. Walaupun terdapat kelebihan yang diperoleh oleh kedua-dua negara sama ada negara penghantar ataupun negara penerima, namun lebih banyak masalah yang timbul dalam negara penerima iaitu di Malaysia. Fokus utama dalam kertas kerja ini adalah dalam sektor pembinaan. Kertas kerja ini akan menganalisis tentang faktor yang menyebabkan majikan mengambil buruh asing, trend kedatangan buruh asing, kesan kedatangan mereka mengenai peluang-peluang pekerjaan yang sepatutnya dikuasai oleh penduduk tempatan, manfaat yang diterima oleh kedua-dua negara yang menerima dan negara penghantar. Selain itu, ia juga akan membincangkan mengenai kesan gaji, dan menghasilkan beberapa cadangan untuk memaksimumkan manfaat daripada kemasukan pekerja asing di Malaysia serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan dan kerajaan Malaysia mengenai kedatangan pekerja asing dalam pasaran pembinaan.

Kata kunci:

Sektor pembinaan, pekerja asing, majikan, masalah, dan kesan.

ABSTRACT

Though foreign workers served to overcome the labor shortage in Malaysia construction market, over-dependence on foreign workers and the negative impacts induced have become a serious social problem. If the Malaysia government does not regulate their entry, it may become a huge problem for the local residents that most of the works or job is led by the foreign workers. However, the arrival of foreign labor can also increase the national income but in the opposite site it will causes reducing the rate of wages in the local labor market. Although, there have advantages for both sender and the recipient countries, but most problem arises is on the recipient country, Malaysia. In this paper, it will focus on the construction sector in Malaysia. The objectives of this study are to identify the factors that cause employers to hire foreign labor, foreign labor coming trends, and the impact of their arrival about employment opportunities should be dominated by the local residents and lastly the benefits received by both the receiving country and the sending country. In addition, it will also discuss about wage effect, and some recommendation on the ways to maximizing the benefits from the influx of foreign workers in Malaysia and the measures taken to alleviate the problems faced by the local residents and the government of the arrival of foreign workers in construction market.

Keywords:

Construction, foreign workers, employers, problems, and impact.

1.0 PENGENALAN

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mendefinisikan pekerja asing adalah sebagai pekerja yang bukan merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap (PR), tetapi ia tidak termasuk pegawai-

pegawai perdagangan (expatriates). Pekerja asing terdiri daripada pekerja-pekerja yang tidak mahir atau separuh mahir yang berbeza dengan pekerja tempatan. Kajian ini melihat anggaran bilangan buruh asing yang bekerja dalam sektor pembinaan di Malaysia sekarang, cabaran dalam sektor pembinaan di Malaysia, trend pekerja asing yang tidak mahir dalam sektor pembinaan di Malaysia, masalah yang sering dihadapi oleh negara Malaysia berikutan dengan pekerja asing dalam sektor pembinaan, cadangan atau langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak yang berwajib untuk meminimumkan masalah yang timbul serta kesan kemasukan pekerja asing di Malaysia, dan faktor yang mendorong majikan mengambil pekerja asing. Objektif utama kajian ini adalah untuk memberi gambaran dengan lebih jelas berkaitan dengan isu pekerja asing yang wujud dalam sektor pembinaan di Malaysia.

2.0 LITERATURE REVIEW

Che Hashim Hassan (2009), membuat kajian tentang bilangan buruh asing yang bekerja dalam sektor pembinaan di Malaysia. Dalam kajian berkenaan, beliau mendapati pekerja asing yang berada di Malaysia adalah seramai kira-kira 2 juta orang . Dapatkan kajian menunjukkan bahawa negeri Sabah mempunyai paling ramai pekerja asing atau lebih dikenali sebagai pendatang haram dianggarkan mempunyai seramai 1.7 juta hingga 2 juta orang pekerja asing. Kebanyakan daripada pekerja asing tersebut datang dari negara Filipina dan Indonesia. Berdasarkan kajian yang telah dibuat juga, Sabah telah menerima pekerja asing dari Indonesia seramai 1.6 juta orang dan 569,000 orang dan ini menunjukkan bahawa seramai kira-kira 2 juta orang buruh asing telah berada di Malaysia terutamanya bekerja dalam sektor pembinaan sebagai buruh asing.

Zakariah Mohd Yusof (2006), telah membuat kajian tentang cabaran-cabaran yang terdapat dalam sektor pembinaan di Malaysia. Menurut CIMP (2005) menggariskan dua komponen yang utama iaitu kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan imej yang negatif yang dialami oleh industri pembinaan. Melalui kajian yang telah dibuat, didapati kebergantungan kepada tenaga kerja asing ini boleh mendatangkan pelbagai masalah dalam sektor pembinaan. Antaranya, kualiti hasil kerja yang dihasilkan tidak menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh klien (CIDB,2004).

Nooriah Yusof (2012), menyatakan dalam kajiannya bahawa pekerja asing yang tidak mahir yang berdaftar dalam sektor pembinaan telah meningkat dari 627,246 orang pada tahun 1997 menjadi 1,067,529 orang pada tahun 2012. Dan

telah meningkat menjadi 1,914,049 orang pada Jun 2007. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa trend pertambahan pekerja asing tidak mahir dalam sektor pembinaan di Malaysia sejak dari tahun 1997 hingga Jun 2007 mengalami sedikit penurunan iaitu sebanyak 37 peratus berbanding tahun 1997. Melalui kajian yang telah dibuat ini, peningkatan pekerja asing dalam sektor pembinaan di Malaysia adalah berpuncu daripada nilai mata wang Malaysia yang sangat tinggi dan mereka tertarik untuk bekerja di Malaysia bagi untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi dan dihantar pulang ke negara asal mereka.

Nor Ashikin Bt Abdullah(2010), membuat kajian berkaitan dengan kesan daripada lambakan pekerja asing khususnya dalam sektor pembinaan lebih memberi impak yang negatif kepada kualiti penghasilan dan produktiviti pembinaan tersebut. Beliau mendapati penurunan kualiti dan produktiviti sektor pembinaan ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran pekerja asing kerana kebanyakan mereka datang ke Malaysia tidak mempunyai sebarang kemahiran atau pengetahuan berkaitan dengan pembinaan. Dapatkan kajian mendapati lambakan pekerja asing di Malaysia telah membawa kepada peningkatan kes jenayah kerana mereka banyak terlibat dalam kegiatan jenayah dan mengancam keselamatan setempat orang awam.

3.0 KAEDAH (METHODOLOGY)

Kajian ini akan membincangkan keadaan yang digunakan untuk mendapatkan data-data untuk kertas kerja ini. Kajian kertas kerja ini dimulakan dengan melakukan kajian di sebuah syarikat pembinaan yang beroperasi di Malaysia bagi mendapatkan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan. Kertas kerja ini juga dilakukan dengan merujuk kepada jurnal, buku-buku, laman web dan artikel yang berkaitan dan dihadapi di Malaysia. Data-data yang didapati melalui sumber rujukan akan dibincangkan dalam bahagian analisis data.

Hasil keputusan daripada analisis yang dijalankan diharap dapat memberi kesimpulan mengenai masalah-masalah yang wujud di kalangan pekerja asing dan menilai sejauh mana kebenaran terhadap kenyataan yang selalu digembar-gemburkan oleh orang awam, media-media massa dan sebagaimana berkaitan dengan pekerja-pekerja asing di tapak bina iaitu dalam sektor pembinaan di Malaysia.

4.0 ANALISIS DATA/DAPATAN KAJIAN

Industri pembinaan Malaysia menyediakan peluang pekerjaan kepada 800,000 pekerja. Dari jumlah ini, ia mewakili 8% daripada

jumlah tenaga kerja di Malaysia dan 69% daripada jumlah pekerja, ia merujuk kepada pekerja asing. Pengambilan pekerja asing yang banyak dan ia bukanlah satu fenomena baru. Semasa British dalam tempoh kolonial di awal abad kesembilan belas, Malaysia adalah bersih penerima warga asing, terutamanya dari Indonesia, India dan China, yang datang untuk bekerja di ladang-ladang, lombong, dan sektor pembinaan. (Dannecker, 2005; Kaur, 2010; Lee & Sivananthiran, 1996). Pertumbuhan ekonomi yang jelas di negara ini mencipta banyak peluang pekerjaan kepada 28 juta rakyat Malaysia, mewujudkan 11.61 juta tenaga kerja yang kuat. Hampir 20 peratusan (2.2 juta) daripada pekerja Malaysia adalah pekerja asing, tidak termasuk pekerja tanpa permit. Untuk pekerja tanpa permit, it dianggarkan dengan tambahan 2.2 juta. (Amnesty International, 2010).


Bilangan sebenar jumlah buruh asing yang berada di Malaysia sekarang adalah amat sukar untuk diketahui. Kita dapat mengetahui bilangan sebenar yang datang secara rasmi atau dengan izin untuk bekerja dengan menggunakan passport dan permit pekerjaan tertentu, tetapi bilangan yang datang secara tidak rasmi atau tanpa permit atau dipanggil juga sebagai “pendatang haram” amat sukar untuk mendapatkan data-data dan bilangan yang tepat.

4.1 Pekerja Asing Mengikut Negara Asal

Jumlah pekerja asing dalam sektor pembinaan berdasarkan negara asal pada akhir 2010 adalah seramai 187,743 orang. Daripada jumlah tersebut, 81% datang dari Indonesia, 6.51% dari Myanmar, 3.31% dari Pakistan, 3.26 dari Negara lain dan bakinya dari negara seperti Bangladesh, Thailand, Philippines, Nepal dan Vietnam. Jumlah bilangan pekerja asing tersebut mengikut negara asal mereka ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Dapat dilihat dengan jelas bahawa majoriti pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembinaan adalah pekerja dari Negara Indonesia.

*Jadual 1: Pekerja asing dalam sektor pembinaan berdasarkan negara asal
(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).*

| Negara | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|------------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Indonesia | 219,880 | 208,920 | 183,961 | 172,329 | 151,333 |
| Bangladesh | 11,447 | 47,379 | 61,569 | 2638 | 3036 |
| Thailand | 1245 | 1402 | 1613 | 781 | 463 |
| Philipina | 1757 | 1828 | 2135 | 671 | 3335 |
| Pakistan | 4131 | 4475 | 5638 | 7089 | 6217 |
| Myanmar | 14,428 | 14,491 | 14,007 | 11,691 | 12,221 |
| Nepal | 4389 | 4678 | 3704 | 3078 | 3050 |
| Vietnam | 5893 | 5090 | 3613 | 226 | 1965 |
| Lain-lain | 9560 | 10,159 | 9605 | 5743 | 6123 |
| Jumlah | 272,730 | 298,442 | 285,845 | 204,237 | 187,743 |



Gambar rajah 1: Peratusan tenaga kerja asing di Malaysia mengikut negara asal tahun 2010

4.2 Masalah yang dihadapi oleh majikan dalam pengambilan pekerja asing


Masalah-masalah yang dihadapi oleh majikan dalam pengambilan pekerja asing seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 adalah kos yang tinggi, prosedur yang panjang dan keperluan oleh undang-undang dan masa yang diambil untuk mendapatkan kelulusan. Majikan perlulah memahami langkah tertentu dalam proses pengambilan, prosedur kecewa, memakan masa dan mahal. Pengambilan pekerja asing untuk mengisi pekerjaan dengan cepat bukan satu penyelesaian yang mudah tetapi perlu memikirkan cara yang lebih baik. Oleh itu, pengambilan pekerja asing yang mempunyai potensi untuk menjadi penyelesaian dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan buruh.

Jadual 2: Masalah yang dihadapi oleh majikan dalam pengambilan pekerja asing.

| Masalah yang dihadapi oleh majikan dalam pengambilan pekerja asing | Indeks Purata |
|--|---------------|
| Prosedur yang panjang | 3.73 |
| Masa yang panjang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan | 2.78 |
| Kos yang tinggi | 3.80 |
| Lebih kompleks dan sukar | 3.55 |

4.2 Sebab Mengapa Majikan Lebih Berminat Untuk Mengambil Pekerja Asing

Daripada kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3, didapati bahawa sebab-sebab utama majikan adalah terdedah kepada mengambil pekerja-pekerja asing adalah kerana penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja di industri pembinaan, pekerja asing telah diberikan gaji yang rendah, pekerja-pekerja asing adalah biasanya rajin, dan majikan dapat meraih keuntungan besar.



Gambah rajah 2: Sebab Mengapa Majikan Lebih Berminat Untuk Mengambil Pekerja Asing

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Faktor yang Mendorong Majikan Mengambil Pekerja Asing

Di dalam sektor pembinaan salah sebuah syarikat yang beroperasi di Malaysia telah di pilih untuk kajian pekerja asing ini. Syarikat ini terlibat dalam melakukan projek pembinaan seperti membina rumah, bangunan rumah kedai, bangunan pejabat dan sebagainya. Berdasarkan kajian yang dibuat didapati majikan lebih berminat memilih pekerja asing untuk bekerja disebabkan oleh faktor kemahiran seseorang buruh dalam bidang pembinaan. Kemahiran dalam pembinaan yang berukiran halus dimiliki oleh pekerja-pekerja dari luar negara terutama di negara jiran. Selain itu, faktor kehadiran pekerja asing untuk bekerja juga dianggap penting kerana majikan menyatakan bahawa kehadiran pekerja asing adalah memuaskan pada setiap bulan dan pekerja-pekerja yang bekerja dengannya hanya akan mengambil cuti sekiranya mengalami masalah gangguan kesihatan sahaja. Pihak majikan pula memberikan cuti pada setiap hari Ahad supaya pekerjanya dapat mengambil rehat setelah 6 hari bekerja. Majikan berpendapat bahawa pekerja asing yang dibayarnya dapat menyiapkan projek pembinaan yang dijalankan dalam masa yang ditetapkan. Keadaan ini membantu majikan mendapat bilangan projek pembinaan yang lebih banyak dalam tempoh tertentu. Di sini, majikan dapat melihat keuntungan yang berlebihan dalam masa yang singkat.

Selain itu pekerja asing juga lebih cenderung bekerja di sektor pembinaan berbanding pekerja tempatan tanpa mempersoalkan upah yang di bayar. Hal ini disebabkan, pekerja tempatan menganggap pekerjaan di sektor pembinaan adalah bersifat kotor dan tidak sesuai dengan tahap pendidikan mereka. Lebih-lebih lagi, pekerja yang bekerja dalam bidang ini perlu berpindah tempat tinggal berdasarkan lokasi pembinaan. Adakalanya pekerja asing ini sanggup membina rumah pondok dan tinggal di kawasan pembinaan sehingga projek pembinaan itu selesai.

5.2 Kesan kemasukan pekerja asing di Malaysia

Antara kesan positif daripada pekerja asing adalah untuk menampung kekurangan tenaga kerja tempatan yang kurang berminat atau tidak berminat untuk bekerja dalam sektor pembinaan. Negara Malaysia mempunyai masalah untuk mendapatkan pekerja tempatan dalam sektor pembinaan jadi bagi memenuhi keperluan sektor ini negara kita mengambil pekerja asing. Tanpa mereka pembangunan Negara menjelang wawasan 2020 akan terbantut dan tidak dapat dicapai. Selain itu, mereka juga dapat membantu kerajaan membangunkan Negara terutamanya dalam sektor

pembinaan. Banyak bangunan penting di Negara ini seperti Menara Berkembar Petronas dan pembangunan Putrajaya banyak bergantung pada tenaga pekerja asing dan dengan adanya mereka dapat mempercepat proses pembangunan negara.

Manakala kesan negatif pula ialah menyekat peluang pekerjaan penduduk tempatan kerana majikan lebih suka mengambil pekerja asing disebabkan upahnya lebih murah berbanding dengan permintaan upah daripada pekerja tempatan. Pekerja asing tidak terlalu memilih jenis pekerjaan dan ramai pekerja tempatan akan menjadi penganggur. Selain itu, akan menimbulkan kesan sosial oleh pekerja asing kerana perbezaan budaya dan cara hidup dengan penduduk tempatan yang akan menimbulkan masalah sosial yang ketara. Hampir setiap hari ada sahaja berita tentang gejala sosial dan perselisihan faham antara pekerja asing dengan penduduk tempatan. Mereka gagal memahami budaya penduduk tempatan yang menjadi punca pertelingkahan dan pergaduhan. Ekonomi juga akan terjejas akibat kesan daripada kemasukan pekerja asing. Ini kerana pengaliran keluar mata wang negara ke luar negara dan akan menyebabkan kerugian negara dari segi pertukaran wang asing. Dengan adanya sistem transaksi yang canggih di bank-bank negara kita, proses ini dilakukan dengan mudah dan cepat serta perkhidmatan yang murah. Pengaliran wang keluar akan merugikan negara kita dari segi kerancakan perniagaan dan melemahkan pembangunan ekonomi negara kita. Che Hashim Hassan (2009),

5.3 Langkah-langkah atau cadangan

Pihak kerajaan sepatutnya membendung kemasukan pekerja asing secara haram di Malaysia. Kemasukan mereka bukan sahaja boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial dan jenayah, tetapi akan menyulitkan pihak kerajaan untuk merancang keperluan tenaga buruh bagi setiap sektor dalam ekonomi negara kita. Hal ini akan timbul kerana bilangan mereka agak sukar untuk kita anggarkan. Di samping itu, kemasukan pekerja secara haram yang tidak kita ketahui kemahiran mereka, boleh mendatangkan pelbagai masalah sosial dan jenayah di negara kita ini.

Selain itu juga kerajaan perlu mengutamakan rakyat tempatan bekerja di dalam sektor pembinaan. Terutama di dalam sektor pembinaan yang bekerja sebagai buruh binaan, pihak kerajaan perlulah mengenal pasti bilangan syarikat yang memerlukan buruh yang berkemahiran dari luar negara. Pihak kerajaan juga mestilah mendaftarkan penduduk tempatan yang berminat untuk bekerja di dalam sektor pembinaan. Latihan kemahiran asas sebagai pekerja di tapak binaan hendaklah diberikan kepada mereka supaya

mereka boleh menjadi pekerja yang profesional. Apabila bilangan potensi pekerja tempatan tidak mencukupi untuk menampung permintaan syarikat, barulah pihak kerajaan boleh menganggarkan bilangan keperluan pekerja asing mengikut keperluan syarikat dan mengeluarkan kuota pengambilan pekerja asing mengikut negara asal dan agama yang sesuai dengan kehendak potensi syarikat pembinaan di Malaysia.

Cadangan yang seterusnya ialah maklumat mengenai tenaga kerja asing hendaklah sentiasa dikemaskinikan. Satu dokumen data perlu diwujudkan untuk mengawal di mana mereka berada atau dengan syarikat mana mereka bekerja. Kemungkinan timbul masalah tinggal di Malaysia atau bekerja melebihi tempoh yang ditetapkan (over-stayed) dan menjadi pekerja asing tersebut dalam status pendatang haram. Penguatkuasaan juga perlu dipertingkatkan agar pekerja asing tersebut tidak lari atau berpindah tempat kerja tanpa kebenaran majikan dan pihak kerajaan. Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), G.Rajasekaran berkata,rekod kemasukan pekerja asing yang amat tinggi adalah tidak munasabah. Pengeluaran permit pekerja asing dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira keperluan sebenar pihak majikan merupakan antara punca kebanjiran pekerja asing (Utusan Malaysia, 16 Oktober 2007).

Kuota pengambilan pekerja asing juga hendaklah mengikut kemahiran tertentu dan mengikut keperluan sektor pembinaan di negara kita. Jika tidak dibuat demikian, akan berlaku kelebihan buruh dalam sektor ini. Hal ini perlu dikaji dan dibuat tindakan yang proaktif agar tidak berlaku pengangguran di kalangan orang tempatan dan juga kepada pekerja asing yang datang tersebut. Pengangguran akan menyebabkan berlakunya banyak penyakit sosial dan jenayah yang lain, membebankan rakyat dan kerajaan untuk menanganiinya.

6.0 KESIMPULAN

Kepesatan pembangunan negara menyebabkan di dalam sektor pembinaan terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing. Kekurangan tenaga kerja tempatan yang begitu ketara menyebabkan kerajaan meluluskan lebih kurang 800,000 orang tenaga kerja asing untuk memenuhi keperluan industri pembinaan negara. Kajian ini telah menunjukkan bahawa tenaga kerja binaan telah dimonopoli oleh tenaga kerja asing. Kebanyakan trend-trend kerja binaan yang dikuasai oleh buruh asing ini adalah terdiri daripada trend tukang konkrit, tukang batu, tukang kayu, tukang besi dan tukang lepa. Kerja-kerja trend seperti mengikat batu, menuang konkrit, membengkok besi

dan melepa boleh dilakukan dengan mudah dan boleh dikendalikan oleh buruh warga asing walaupun buruh tersebut tidak beberapa mahir.

Sebenarnya kedatangan pekerja asing banyak meninggalkan kesan baik tetapi perlu dikawal supaya tidak mengabaikan kebajikan dan pembangunan ekonomi di negara kita. Namun begitu terdapat juga kesan-kesan yang tidak baik yang timbul daripada kemasukan pekerja asing ini. Walau bagaimanapun, beberapa langkah atau cadangan yang telah dilakukan untuk mengatasi kekangan yang timbul. Hasil daripada kajian juga terdapat beberapa faktor yang mendorong majikan lebih suka mengambil pekerja asing berbanding pekerja tempatan dan ternyata pekerja asing daripada Indonesia merupakan pekerja luar negara yang paling ramai iaitu 81% dari tahun 2006 hingga 2010.

RUJUKAN

- Che Hashim .H(2009), *Buruh Asing Di Malaysia: Trend, Kaedah, kesan, Masalah dan Cara Mengatasinya*. Malaysia.Vol.14.
Dipetik pada 22 April 2013 daripada
<http://jatidseas.um.edu.my/filebank/article/s/2688/CheHashimFOREIGNLABOURINMALAYSIA-TRENDS,METHODS,IMPACTS,PROBLEMS AND STRATEGIES TO SOLVE THE PROBLEMS.pdf>
- Nur Ashikin M.A(2010). *Pengambilan Buruh Asing Dalam Pembinaan*. Dipetik pada 25 April 2013 daripada www.efka.utm.my
- Zakaria M. Y (2006). *Cabaran-Cabaran Di Sektor Binaan Tenaga Kerja Mahir Tempatan*.
Dipetik pada 20 April 2013 daripada
<http://eprints.utm.my/2253/1/ZakariaYahyaRashid2006Cabaran.pdf>⁷
- Zakirah M. Y(2006). *Faktor-faktor Yang Mendorong Majikan Mengambil Pekerja Asing*. Dipetik pada 25 April 2013 daripada www.ukm.my
- “Tenaga kerja Asing Di Malaysia,” Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia (KSM), 2008, Unpublished data.